



Penyata
Pengerusi

TENGGU SYARIF
BENDAHARA PERLIS
SYED BADARUDIN
JAMALULLAIL IBNI
ALMARHUM TUANKU
SYED PUTRA JAMALULLAIL

Pengerusi



Para Pemegang Saham dan Pemegang Kepentingan Yang Dihargai,

Kesan-kesan COVID-19 ke atas ekonomi dan kehidupan harian telah membuat hampir kesemua lapisan masyarakat menilai semula kepentingan hidup kita. Di F&NHB, kami telah memperkukuhkan lagi Nilai-nilai Global kami, iaitu Kolaborasi, Penciptaan Nilai dan Prihatin terhadap Pemegang Kepentingan.

Tahun ini menyaksikan peningkatan tahap kolaborasi, bukan sahaja di kalangan pekerja kami tetapi juga di antara F&NHB, rakan perniagaan dan komuniti. Semangat kolaborasi beserta pelbagai inisiatif-inisiatif lain telah membantu mencipta nilai serta menjaga kepentingan pihak berkepentingan kami.

MENYATAKAN NILAI-NILAI GLOBAL KAMI



Nilai "Prihatin Terhadap Pemegang Kepentingan" kami jelas terbukti menerusi usaha-usaha kami memastikan keselamatan para pekerja dan rakan perniagaan di samping menunaikan tanggungjawab kami dalam membantu komuniti. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami telah mengedarkan lebih daripada 650,000 produk ke pejuang barisan hadapan negara yang tidak lelah di lokasi-lokasi seperti Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Queen Elizabeth, Polis Diraja Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Nasional (NADMA) dan banyak lagi majlis perbandaran di Semenanjung dan Malaysia Timur.

Tidak lupa juga golongan terpinggir yang mengalami kesan paling buruk pandemik ini. Sepanjang bulan Ramadhan dan Hari Raya, kami telah mengedarkan lebih dari 500,000 produk kepada hampir 10,000 keluarga kurang mampu di bawah program Tabahkan Rakyat Malaysia di Ramadan Mulia.

Bagi pengguna setia kami, F&N lanjut mengotakan janji jenama kami iaitu "Kenikmatan Tulen, Kebajikan Tulen" dengan memastikan kesinambungan produk-produk teras kami. Pada masa yang sama, kami giat membangunkan pelbagai jenis minuman bagi memenuhi permintaan pilihan sihat lagi menyelerakan. Di antara sepuluh produk tambahan yang dikeluarkan tahun ini termasuk 100PLUS Zero, Sunkist Pure Juice Drink, F&N ICE MOUNTAIN Sparkling Water dan kegemaran peribadi saya, F&N Sedia-Untuk-Diminum (RTD) Teh Tarik Ori. Lebih-lebih lagi, kini akses kepada produk-produk kami lebih mudah menerusi kedai dalam talian kami; F&N Life. Di kala pandemik, F&N Life menambah nilai kepada para pengguna dengan memberikan mereka pilihan alternatif bagi menikmati produk-produk F&N kegemaran mereka.

Kolaborasi dan kerjasama yang erat di antara F&NHB dan pelbagai rakan dagang juga telah memastikan operasi berterusan, ini telah membolehkan kami mengekalkan rantai bekalan kami, merangkumi pembekalan bahan mentah hinggalah pengedaran produk. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi keprihatinan mereka terhadap keperluan para pengeluar. Manakala pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan kami dengan para pembekal dan pengedar kami, di mana kebanyakan daripada mereka sudah beberapa generasi berkhidmat untuk F&NHB.

Bagi menambah nilai kepada para pemegang saham, kami sentiasa melindungi pelaburan mereka dengan meningkatkan kecekapan operasi dan kos. Prestasi kewangan TK2020 sekali lagi membuktikan kemantapan kami walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar. Saya amat bangga mengumumkan bahawa walaupun dihadapkan dengan pelbagai cabaran, bukan sahaja disebabkan pandemik COVID-19 tetapi juga daripada persaingan yang semakin ketat dan ketidakpastian harga input, kami masih berjaya mengekalkan keuntungan selepas cukai TK2020 pada RM410.1 juta berbanding RM410.2 juta pada tahun sebelumnya. Ini membolehkan kami terus menawarkan dividen yang stabil kepada para pemegang saham kami. Bagi tahun kewangan 2020 (TK2020), walaupun pandemik COVID-19 telah menyebabkan penurunan prestasi pada setengah tahun pertama serta menimbulkan pelbagai ketidakpastian, kami telah mengekalkan dividen tahap satu interim sebanyak 27.0 sen sesaham berjumlah kira-kira RM99.0 juta, yang telah dibayar pada 12 Jun 2020. Saya dengan senang hati juga melaporkan bahawa Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham, yang sekiranya diluluskan akan menjadikan dividen tahunan sebanyak 60.0 sen sesaham, setara dengan dividen tahunan sebelumnya.



DIVIDEN BAGI TAHUN

60 sen sesaham

Penyata *Pengerusi* (Samb.)

Secara lazimnya, prestasi mantap kami adalah hasil usaha keras dan dedikasi para pekerja kami, yang telah melaksanakan fungsi mereka dengan sebaik mungkin walaupun beroperasi di dalam keadaan yang sukar. Ramai di antara mereka juga telah berusaha keras menyokong program kami untuk membantu mereka di barisan hadapan dan komuniti. Keprihatinan mereka terhadap komuniti mereka ketika komuniti mereka memerlukannya sangat mengharukan hati.

Lembaga Pengarah juga berpuas hati dengan usaha Pengurusan untuk menjaga kesejahteraan pekerja kita. Dalam keadaan yang sukar ini, ianya adalah penting untuk mengekalkan semangat dan memastikan bahawa para pekerja kita mempunyai ketenangan minda. Di samping memastikan kesemua prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi di tempat kerja, kesemua kakitangan, termasuk pekerja kontrak di barisan pengeluaran dan gudang kami yang dimestikan bekerja sepanjang PKP telah diberikan elaun mingguan khas. Tambahan, bonus berkontrak juga telah dibayar awal dan pembayaran balik pinjaman motosikal telah ditangguhkan. Pada masa yang sama, kami telah menyediakan talian bantuan khusus pekerja 24 jam untuk membantu dengan sebarang pertanyaan berkaitan kerja atau masalah berkaitan pekerjaan yang boleh menjejaskan kesejahteraan kesihatan dan mental mereka.

Anugerah Pengerusi F&NHB merupakan acara penghargaan pekerja yang telah dimulakan pada tahun 2003. Anugerah ini diberikan kepada anak-anak para pekerja bagi memotivasikan mereka. Tahun ini, kami telah menganugerahkan sejumlah RM228,225 kepada 99 orang kanak-kanak yang telah mencapai keputusan akademik dan kokurikulum yang cemerlang.



PRESTASI ESG YANG BERTELADAN

Penciptaan nilai bagi pemegang kepentingan kami adalah salah satu aspek pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang mengukuhkan kelestarian kami. Kami menyedari bahawa sesuatu organisasi boleh mempengaruhi kesejahteraan masyarakat. Ke arah ini, kami menggunakan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (SDG) sebagai penanda aras bagi prestasi kemampuan kami.

Di samping menghayati Nilai-nilai Global kami, yang mengukuhkan sumbangan sosial F&N, kami lanjut melaksanakan program-program yang mendorong kemajuan sosial dengan memperkasakan masyarakat rentan dan mempromosikan kesejahteraan negara. Di Thailand, F&N telah berganding bahu dengan para pembekal kami untuk mengatasi masalah kekurangan air semasa musim kemarau di Wilayah Chaiyaphum. Program yang dilaksanakan selama tujuh bulan ini telah membolehkan 24 ladang tenusu dan perumahan sekitaran menikmati bekalan air bersih yang konsisten dan mencukupi. Berpegangkan kepercayaan bahawa gaya hidup yang aktif tidak semestinya diberhentikan akibat pandemik, kami telah mendorong rakyat Malaysia mengekalkan gaya hidup aktif di rumah masing-masing menerusi latihan senaman dalam talian langsung #StayFitwith100PLUS.

Dari segi pemuliharaan alam sekitar, kami dalam proses melabur di dalam tenaga solar boleh diperbaharui sebagai sumbangan kami terhadap usaha-usaha pembendungan perubahan iklim. Susulan kejayaan pemasangan sistem Solar Photovoltaic di kilang Rojana, Thailand pada bulan April tahun ini, kami akan menyumbangkan sebanyak RM30 juta untuk melaksanakan program tenaga boleh diperbaharui di Malaysia pada tahun 2021. Kami juga memperakui kepentingan pengurusan sisa yang lebih berkesan dan telah menjadi ahli pengasas sebuah gabungan pengeluar yang berusaha untuk mempromosikan masa depan yang lebih mampan menerusi pengitaran semula sisa pembungkusan.

Sementara itu, kami terus memupuk generasi muda yang sedar-eko melalui program kitar semula di sekolah kami. Walaupun menghadapi pandemik COVID-19, program pendidikan kitar semula ini diteruskan bagi manfaat generasi masa depan. Sewajarnya, bunting dan papan yang menampilkan wira program kitar semula kami iaitu R-Boy, telah dihantar ke 430 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Dari segi tadbir urus, Lembaga terus berusaha meningkatkan kerangka integriti kami. Pada bulan Ogos 2019, kami telah mengkaji semula Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan F&N. Semak semula ini telah membentuk tiga dasar baru untuk memperteguhkan budaya korporat beretika, iaitu Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan F&N, Kod Amalan Perniagaan untuk Pihak Ketiga, dan Kod Amalan Pembekal F&N. Kod Amalan Pembekal memastikan bahawa kesemua pembekal kami juga mematuhi prinsip-prinsip hormat dan maruah dalam memperlakukan para pekerja mereka.

Selain itu, kami telah memperkukuhkan kepelbagaian Lembaga dengan membawa masuk Cik Tan Fong Sang sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas. Lembaga kini mempunyai perwakilan wanita sebanyak 27.3 peratus (berbanding 18.2 peratus sebelumnya). Cik Tan juga mengetuai Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian & Risiko. Beliau menggantikan Encik Lee Kong Yip, yang telah bersara pada 30 September 2020. Melangkah ke depan, kami akan terus berusaha memenuhi saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 yang mencadangkan agar Lembaga mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita.



PENGANUGERAHAN

Penekanan terhadap tadbir urus didorong oleh prinsip-prinsip dan nilai-nilai kami. Namun, kami amat bangga apabila usaha-usaha ini mendapat pengiktirafan. Sememangnya kami rasa amat terhormat apabila F&NHB dimasukkan ke dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) untuk tahun kedua berturut-turut. Skor keseluruhan kami juga meningkat kepada 4.0 (maksimum 5.0), menempatkan kami di antara 15 peratus syarikat konstituen F4GBM teratas di dalam industri makanan & minuman. F&NHB melebihi purata industri Barang Pengguna untuk ketiga-tiga segmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus; dan melebihi skor purata negara (Malaysia) dalam semua kategori kemasukan F&NHB.

Kami juga telah menerima pengiktirafan atas sumbangan kami kepada ekosistem halal di Malaysia dan Thailand. Pada bulan Oktober, F&NHB telah menerima Anugerah Kecemerlangan Makanan dan Minuman Halal di Persidangan Halal Dunia 2020, yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) di Kuala Lumpur. Manakala, F&N Dairies (Thailand) Limited, telah dinamakan sebagai Syarikat Halal Terbaik Thailand Tahun 2020 oleh Majlis Islam Pusat Thailand (CICOT) di Bangkok.

PENGHARGAAN

Prestasi kami, dari segi kewangan dan ESG, mencerminkan usaha dan komitmen ke semua Fraserians. Khususnya tahun ini, kita telah menyaksikan berapa ramainya pekerja kita yang telah menjangkau komitmen kerja untuk memberi sumbangan kepada F&NHB dan memberi keyakinan kepada pemegang kepentingan kita. Saya mengucapkan seikhlas terima kasih kepada kesemua kakitangan operasi hinggalah ke bahagian pengurusan. Saya juga mengalu-alukan kedatangan Cik Tan Fong Sang sebagai ahli Lembaga baru; kami menantikan peluang bekerjasama dengan anda. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan tidak ternilai Encik Lee Kong Yip, yang telah berkhidmat selama 20 tahun. Kami mengucapkan yang terbaik untuknya di masa hadapan.

Kepada kesemua pemegang kepentingan luaran kami, anda terus memberikan inspirasi kepada kami untuk terus meningkatkan prestasi dan mencipta nilai tambah. Walaupun berdepan dengan masa depan yang tidak tentu, yakinlah bahawa kami akan terus berusaha untuk membawakan kegembiraan kepada semua.

Tengku Syarif Bendahara Perlis
Syed Badarudin Jamalullail Ibni
Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail
Pengerusi